

Zaman Edan

KARKONO PARTOKUSUMO

SERAT KALATIDHA DAN PENGARANGANYA

Istilah *Zaman Edan* yang dijadikan tajuk kajian ini terdapat dalam *Serat Kalatidha*, yang sudah banyak diterbitkan orang sejak zaman kolonial. Serat ini terdiri daripada 12 rangkap *tembang Sinom*, dengan ditambah satu rangkap sebagai pembukanya. Rangkap pembuka itu terdapat pula dalam buku bunga rampai bahasa Jawa yang bertajuk *Sasana Sastera*, karya Ki Hadiwijana, terbitan Dwidjaja, Yogyakarta, pada tahun 1954.

Serat Kalatidha telah digubah Raden Ngabei Ranggawarsita, pujangga keraton Surakarta Hadiningrat. Lahir pada hari Senen Legi, 10 Dulkaidah 1728 Jawa (23 Mac 1802 Masehi), pujangga ini wafat pada hari Rabu Pon, 5 Dulkaidah 1802 Jawa (24 Disember 1873 Masehi). Daripada salasilah garis keturunan ayahnya, beliau adalah cicit daripada pujangga Raden Ngabehi Yasadipura I dan cucu kepada Raden Tumenggung Sasteranagara atau Yasadipura II. Beliau juga adalah pujangga keraton di Surakarta. Apabila dirunut daripada garis keturunan ibu, beliau adalah keturunan ke-8 kepada Raden Tumenggung Sujanapura yang terkenal yang disebut Pangeran Karanggayam, pujangga keraton Pajang. Beliau juga pengarang kitab *Nitisruti*. Sehubungan itu, adalah diketahui baik daripada pihak ayah atau ibunya, Raden Ngabehi Ranggawarsita yang nama kecilnya Bagus Burham itu mempunyai darah pujangga.

Di sini, biarlah disentuh sedikit tentang riwayat hidupnya. Pada umur 12 tahun, Bagus Burham berguru kepada Kyai Imam Besari, anak menantu kepada Sri Sunan Paku Buwana IV yang memimpin pesantren Gebangtinatar, Panaraga. Pada mula-mulanya, beliau degil dan tidak mahu belajar; namun setelah dapat disedarkan oleh sang kyai, beliau menjadi murid yang pandai, dan pada akhirnya dilantik sebagai *badal*, iaitu wakil Kiai, atau seseorang kepercayaan langsung daripada sang Kiai.

Setelah pulang ke Surakarta, beliau mengabdikan kepada Pangeran Sepuh Buminata yang tersohor kerana memiliki berbagai-bagai ilmu *kanuragan* (kesaktian) dan ilmu *kasampurnan* (ilmu tentang kesempurnaan hidup). Di kediaman Pangeran Sepuh, beliau dikahwinkan dengan Raden Ajeng Gombak, puteri Bupati Kediri yang bergelar Cakradiningrat. Pada mulanya

beliau tinggal di Kediri; tetapi setelah 35 hari (*selapan dina*), beliau berpamitan dengan alasan hendak menambah ilmunya. Lantaran, beliau berguru ke beberapa pesantren dan *paguron ilmu kasampurnan*. Mula-mula sekali beliau berguru kepada Kiai Tunggulwulung di Ngadiluwih, Kediri, kemudian kepada Ki Ajar Wirakantha di Ragajampi, Jawa Timur, dan yang terakhir berguru kepada Ki Ajar Sidalku di Tabanan Bali.

Pada tahun 1819M, di zaman Sri Paku Buwana IV, beliau mengabdikan kepada keraton sebagai *carik* (juritulis) Kadipaten Anom dengan sebutan nama Mas Rangga Pajanganom. Pada tahun 1826 M, beliau dinaikkan pangkat menjadi *panewu carik* dengan nama Mas Ngabei Sarataka. Akhirnya pada tahun 1845 M, beliau naik pangkat lagi menjadi *Kliwon* Kadipaten Anom dengan nama R. Ng. Ranggawarsita. Nama dan pangkat itu disandanginya hingga ke akhir hayatnya. Setelah Indonesia merdeka sang pujangga ini dianugerahi pangkat Bupati Anumerta dengan gelaran Raden Tumenggung oleh Sri Sunan Paku Buwana ke-12, pada 12 April 1952.

Semasa hidupnya beliau yang berkarya selama 47 tahun, dari 1828 hingga 1873 M itu telah menghasilkan tidak kurang daripada 60 tajuk buku meliputi berbagai-bagai hal. Antaranya dongeng, cerita, *lakon wayang*, *babad*, susur galur, sastera, bahasa, kesusilaan, adat-istiadat, kebatinan, *ilmu kasampurnan*, falsafah, *primbon* dan ramalan. Buku pertama yang ditulis beliau bertajuk *Jayengbaya* yang membawa makna menang ke atas bahaya. Buku tersebut yang ditulis beliau semasa masih bernama Mas Ngabei Sarataka itu melukiskan khayalan *Jayengbaya* yang mengandaikan dirinya menjadi pemukul gamelan, pengiring *tandak*, penari, petani, peniaga, jurutulis, jaksa, pengemis, orang disambar petir, bahkan menjadi Tuhan Yang Maha Esa. Cara menggubahnya sederhana, mudah difahami, meskipun berbentuk *tembang Asmaradana* yang berjumlah 250 rangkap, maka mengghairahkan dan lucu, bahkan menggemaskan. Buku beliau yang terakhir bertajuk *Sabdajati* itu ditulis lapan hari sebelum wafat.

R. M. Ng. Purbacaraka dalam buku *Kapustakan Jawi* yang diterbitkan oleh Djembatan pada tahun 1952 menghujahkan buku *Cemporet* karya Ranggawarsita itu sebagai berikut: susunan ayatnya amat cermat, banyak *purwakanthinya*, bahasanya amat halus sampai berlebih-lebih. Contohnya, tutur kata orang desa dibuatnya seperti tutur kata seseorang priyayi kota yang mahir bertutur dengan setiap hal dibicarakan dengan panjang lebar.

Ranggawarsita setia mengabdikan diri di keraton Surakarta sejak Paku Buwana IV sampai Paku Buwana IX. Kesetiaan itu dibuktikan

dengan beliau menolak untuk dilantik menjadi guru bahasa Jawa di negara Belanda dengan gaji f1.000,00 dan pencen f500,00 setiap bulan. Antara orang Belanda yang berguru bahasa Jawa kepadanya adalah C.F. Winter, juru bahasa dan pengarang berbagai-bagai buku Jawa; Jonas Fortier, penerbit majalah *Bramartani*, dan Downing Jansen. Kesemua mereka ini diakui sebagai pakar bahasa Jawa.

Beliau bersahabat karib dan juga kawan seperguruannya dengan raja Mangkunegaran Sri Mangkunagara IV, seorang sasterawan Jawa yang termahsyur. Karya beliau yang terkenal ialah *Serat Wedhatama*. Dalam *Babad Ranggawarsita* diceritakan Sri Mangkunagara IV semasa masih bernama R.M.A.Gandakusuma dinasihatkan *ilmu kasampurnan* oleh sang pujangga. R.Ng. Ranggawarsita yang wafat pada 5 Dulkaidah 1802 atau 24 Disember 1873 di kediamannya di kampung Kedungkol, Pasar Kliwon, Sala. Jenazahnya dikebumikan di desa Palar, iaitu kecamatan Trucuk, Kabupaten Klaten, Surakarta, tempat kelahiran ayahnya. Beliau meninggalkan tiga orang puteri dan dua orang putera. Kelima-lima anak beliau tidak ada yang menjadi sasterawan.

Seorang sasterawan Jawa di Sala, yang pernah mendapat penghargaan *satya lencana* kebudayaan daripada Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, memaparkan dalam buku *Jangka Ranggawarsita*, terbitan Sadubudi Sala, pada tahun 1946, menerangkan di halaman 29 bahawa:

“*Serat Kalatidha ingkang kaiket maiwi sekar Sinom 12 pada punika karanganipun R.Ng. Ranggawarsita nalika tahun 1769 Jawi, alamipun Sri Pakubuwana VII.*”

‘*Serat Kalatidha yang ditulis dengan tembang Sinom 12 rangkap itu ialah karangan R.Ng. Ranggawarsita pada tahun Jawa 1769, di zaman Sri Pakubuwana VII.*’

Untuk mengkaji maklumat tersebut, marilah kita meninjau tahun lahirnya sang pujangga itu, iaitu pada tahun Jawa 1728. Dengan mengikuti maklumat daripada R. Tanaya, masa beliau menulis *Serat Kalatidha* sudah berusia 41 tahun, tahun Jawa. Dalam *Serat Kalatidha* tidak ada ciri atau tanda yang menyatakan tahun bila buku itu ditulis. Berbeza dengan karangan Ranggawarsita yang lain, yang biasanya diberi ciri yang berupa *Candrasangkala*. Misalnya *Serat Cemporet* dengan *sangkalan: song-song gora candraning ...*, yang bererti tahun 1799 Jawa. Berikutnya dalam *Serat Sabdajati* dengan *sangkalan: Nembah muksa pujangga ji*, yang bererti tahun Jawa 1802, tahun wafatnya sang pujangga. Namun, ada pula ciri yang tidak berupa *Candrasangkala*, melainkan masa

penulisan *Serat Kalatidha*. Ciri tersebut terdapat dalam 2 bahagian, iaitu:

1. Pada rangkap yang ke-8 yang berbunyi demikian:

Samono iku babasan, padu-padune kapengin, enggih mekoten Man Dobleng, bener ingkang ngarani nanging sajroning batin, sajatine nyamut-nyamut, wis tuwa arep apa, muhung mahasing asepi, supayantuk parimarmaning Hyang Suksma.

Pada *gatra* ke-7 rangkap itu berbunyi: *wis tuwa arep apa*. Pernyataan ini menunjukkan beliau merasa sudah tua semasa menulis *Kalatidha*.

2. Rangkap ke-11 dalam *Serat Kalatidha* yang boleh diterima sebagai petunjuk itu pula berbunyi:

Ya, Allah ya Rasulullah, kang sipat murah lan asih, mugi-mugi aparinga, pitulung ingkang nartani, ing alam awal akir, dumunung ing gesang ulun, mangkya sampun awredha, ing wekasan kadi pundi, mula mugi wontena pitulung Tuwan.

Dalam rangkap ke-11 baris ke-7 pula berbunyi: *mangkya sampun awredha,...* yang bererti sekarang sudah tua. Dua petunjuk itu menjelaskan bahawa pujangga ini sudah tua semasa menulis *Serat Kalatidha*. Berdasarkan keterangan R. Tanaya, masa menulis *Kalatidha*, beliau sudah berusia 41 tahun, tahun Jawa.

Pernyataan itu tidak boleh dikatakan tepat, kerana orang yang berusia 41 tahun, apalagi seorang pria, umumnya belum merasa tua, bahkan secara kelakar sering dikatakan, bahawa kehidupan bermula pada usia 40 tahun. Oleh itu, pernyataan itu tidak dapat diterima sebagai yang betul, sekalipun tidak ada petunjuk lain yang mutlak betul.

ISI SERAT KALATIDHA

Telah disebut tadi bahawa pada umumnya *Serat Kalatidha* yang telah dicetak itu berisi 12 rangkap *tembang Sinom*; namun dalam buku *Sasana Sastera* himpunan Ki Hadiwijana ada tambahan satu rangkap pembukaan atau *bubuka*.

Ki Hadiwijana menerangkan bahawa rangkap pembuka itu terdapat dalam catatan beliau yang diwarisi daripada ayahnya. Ertinya, tidak dapat ditentukan rangkap pembukaan itu karangan daripada pujangga Ranggawarsita. Tidak mustahil, rangkap itu ditambahkan orang yang menyalin *Serat Kalatidha* kerana perbezaan tulisan tangannya. Masa

dahulu memang banyak buku Jawa disalin orang yang ingin memilikinya.. Yang ditugaskan menyalin itu biasanya adalah orang yang bagus tulisannya dan memahami sastra Jawa. Ramai orang daripada mereka ini juga mahir mengarang. Pada kesempatan itulah sang penyalin menambah rangkap pembukaan itu.

Berdasarkan kebiasaan seperti itu, maka adalah diduga bahawa rangkap Sinom *bubuka* itu bukan hasil karangan Ranggawarsita, tetapi ditambah penyalin yang lain, malahan mungkin ayahanda Ki Hadiwijana sendiri. Berikut ini ialah kutipan kata pembukaan itu dengan terjemahannya.

Wahyaning harda rubeza, ki pujangga amengeti, mesu cipta matiraga, mudhar warananing gaib, sasmita sakalir, ruweding sarwa pakewuh, wiwaling kang warana, dadi badaling Hyang Widdhi, amedharken paribawaning bawana.

‘Terjadilah angkara murka (menjadi) gangguan, ki pujangga mencatat (kejadian itu), (dengan) memusatkan fikiran menindas nafsu manusiawinya, menyingkap tirai yang tidak terlihat (oleh mata kepala), (yang menutupi) tanda-tanda segala keadaan, yang sukar serba berbahaya, setelah tirai tersingkap, (sang pujangga) bagaikan wakil Tuhan, menerangkan kesengsaraan dunia.’

Sebelum dikutip dan dibahas isi *Serat Kalatidha* yang berintikan *zaman edan*, perlu dikemukakan bahawa rangkap pertama dalam serat itu ada 2 macam. Berikut ini disajikan naskhah pembukaanh yang lain daripada sebahagian kecil kitab *Kalatidha* dengan disertakan terjemahannya.

Mangkya darajating praja, kawuryan wus sunya ruri, rurah pangrehing ukara, karana tanpa plupi, atilar silastuti, sarjana sujana kelu, kalulun Kalatidha, tidhem tandhaning dumadi, hardayengrat dening karoban rubeza.an sujana.

‘Sekarang martabat negara, tampak telah senyap, (sebab) rosak pelaksanaan peraturannya, kerana tanpa teladan, (orang) meninggalkan kesopanan, para cendekiawan dan para ahli terbawa, hanyut (ikut arus) dalam zaman bimbang, (bagaikan kehilangan tanda-tanda kehidupannya), (mengetahui) kesengsaraan dunia kerana tergenang oleh berbagai-bagai halangan.’

Rangkap pertama yang sudah banyak dikenali dalam *Serat Kalatidha* itu dimuatkan di bawah ini, bersama-sama dengan rangkap-rangkap yang lain sehingga membentuk *Serat Kalatidha* yang lengkap:

1. *Mangkya darajating praja, kawuryan wus sunya ruri, rurah pangrehing ukara, karana tanpa palupi, ponang parameng kawi, kawileting tyas*

malatkung, kongas kasudranira, tidhem tandhaning dumadi, hardayengrat dening karoban rubeza.

2. *Ratune ratu utama, patihe patih linuwih, pra nayaka tyas rahaja, panekare becik-becik, parandene tan dadi, paliyasing kalabendu, malah sangkin andadra, rubeza kang ngreribedi, beza-beza ardane wong sanagara.*
3. *Katatangi tangisita, sira sang paramengkawi, kawileting tyas duhkita, kataman ing reh wirangi, dening upaya sandi, sumaruna anarawung, pangimur manuara, met pamrih melik pakolih, temah suha ing karsa tanpa weweka.*
4. *Dhasar karoban pawarta, babaratan ujar lamis, pinudya dadya pangarsa, wekasan malah kawuri, yen pinikir sayekti, pedah apa aneng ngayun, andhedher kaluputan, siniraman banyu lali, lamun tuwuh dadi kakembanging beka.*
5. *Ujaring Panitisastera, awawarah asung peling, ing zaman keneng musibat, wong ambek jatmika kontit, mengkono yen niteni, pedah apa amituhu, pawarta lalawora, mundhak angraranta ati, angurbaya ngiketa cariteng kuna.*
6. *Keni kinarya darsana, penglimbang ala lan becik, sayekti akeh kewala, lalakon kang dadi tamsil, masalahing ngaurip, wahananira tinemu, temahan anarima, mupus papasthening takdir, pilih-puluh anglakoni kaelokan.*
7. *Amenangi zaman edan, ewuh aya ing pambudi, melu edan nora tahan, yen tan melu anglakoni, boya kaduman melik, kaliren wekasanipun, dilalah karsa Allah, begja/begjane kang lali, luwih begja kang eling lawan waspada.*
8. *Samono iku babasan, padu-padune kapengin, enggih mekonten man Dhopleng, bener ingkang ngarani, nanging sajroning batin, sajatine nyamut-nyamut, wis tauw are papa, muhung masaheng asepi, supayantuk parimarmaning Hyang Sukma.*
9. *Beza lan wus santosa, kinarilan ing Hyang Widdhi, satiba malanganeya, tan susah ngupaya kasil, saking mangunah prapti, Pangeran paring pitulung, marga samaning titah, rupa sabarang pakolih, parandena masih taberi ikhtiyar.*
10. *Sakadare lingkonan, mung tumindak mara-ati, angger tan dadi prakara, karena wirayat muni, ikhtiyar iku yekti, pamilihe reh rahayu, sinambi*

budidaya, kanthi awas lawan eling, kang kaesthi antuka permaning Sukma.

11. *Ya Allah ya Rasulullah, kang sipat murah lan asih, mugu-mugu aparinga, pitulung ingkang nartani, ing alam awal akhir, dumunung ing gesang ulun, mangkyo sampun awedha, ing wekasan kadipundi, mila mugu wonten pitulung Tuwan.*
12. *Sageda sabar santosa, mati sajroning ngaurip, kalis ing reh haru-hara, murka angkara sumingkir, tar len meleng malatsih, sanityasa tyas mamasuh, badharing sapudhendha, antuk mayar sawatawis, borong angga suwarga mesi martaya.*

Ayat yang terakhir dalam rangkap ke-12 itu mengandung *sandiasma* daripada pengarangnya seperti yang terdapat pada setiap suku kata yang kedua daripada kata-kata dalam kalimat itu. Perhatikan suku kata-suku kata yang dicetak tebal. Setelah dirangkai satu dengan yang lainnya, akan ia berbunyi: *Ronggawarsita*. Penulisan *rong* dengan o disini sesuai dengan penulisan huruf Jawa dengan *sandhangan taling tarung + cecak* untuk bunyi *ong*.

Terjemahan rangkap-rangkap di atas adalah seperti yang berikut:

1. Sekarang martabat negara, tampak telah sunyi sepi, (sebab) rosak pelaksanaan peraturannya, kerana tanpa teladan, (maka) sang pujangga (Ranggawarsita) diliputi oleh kesedihan hati, (merasa) tampak kehinaannya, (bagaikan kehilangan tanda-tanda kehidupannya, (kerana ianya mengetahui) kesengsaraan dunia yang tergenang oleh berbagai-bagai halangan
2. Rajanya raja utama, patihnya seorang patih yang amat pandai, para menteri bertekad selamat, para punggawa rendah dan atasannya baik-baik, namun tidak menjadi, pencegah terjadiya zaman terkutuk, berbeza-beza loba-angkara orang di seluruh negeri.
3. (Maka) bangkitlah tangisnya, beliau sang pujangga, (kerana) tertimpa rasa malu (kepada Tuhan), oleh fitnah orang (yang) menyertai dalam pergaulan (ki pujangga), (pura-pura) menghibur hati (ki pujangga), (tetapi sesungguhnya) mencari keuntungan akhirnya berantakan cita-cita (ki pujangga kerana) kerana tidak disertai dengan sikap hati-hati.
4. Memang banjir berita, (yang) dibawa angin (iaitu) ujar mengenai hati, (katanya sang pujangga) dipilih menjadi pemuka (pembesar), (tetapi) akhirnya malah terbelakang, Gila difikir benar-benar, apakah gunanya di muka (menjadi pembesar), (tidak lain tentu) menanam benih-benih

- kesilapan, tersiram air (yang mempunyai daya menjadikan) lupa, kalau tumbuh (niscaya) menjadikan bertambahnya bencana.
5. Tersebut dalam (kitab) Panitisastra, memberi ajaran dan peringatan, dalam zaman terkutuk, orang sopan (menjadi) amat ketinggalan, demikianlah kalau (orang) mahu mencamkan, (maka) apakah faedahnya percaya, berita yang tak bererti, tambah lebih menyakitkan hati, lebih baik (sang pujangga) mengubah cerita-cerita kuna.
 6. (Cerita itu) dapat dipakai teladan, (untuk) membanding-bandingkan yang buruk dan yang baik, tentulah banyak saja, kejadian yang menjadi contoh (baik), (tentang) masalah hidup, lalu dapat bertemu, akhirnya dapat menerima (memahami), (lalu) sedar akan ketentuan takdir, apa boleh buat mengalami keajaiban.
 7. Mengalami zaman gila, serba sukar dalam pemikiran, ikut gila tidak tahan, kalau tidak ikut (gila), tidak (akan) mendapat bahagian, akhirnya (mungkin) kelaparan, (tetapi) takdir kehendak Allah, sebahagia-bahagiaanya (orang) yang lupa, (masih) lebih bahagia yang sedar dan waspada.
 8. Yang demikian itu (bagaikan) peribahasa, hanya kerana terdorong keinginan, bukankah begitu man Dhoplang, (maka) betullah yang menerka (ki pujangga ingin menjadi pembesar), tetapi dalam hatinya, sesungguhnya jauh sekali daripada yang demikian, (sebab) sang pujangga sudah tua (lalu) mahu apalah, sebaiknya berkelana ke tempat yang sepi (menjauhkan diri daripada keduniawian), supaya mendapat kasih sayang Tuhan.
 9. Berbezalah dengan orang yang sudah kuat (lahir batinnya), serba diredhai oleh Tuhan, betapa tingkah lakunya, ia tak usah mencari rezeki, (itu) datang daripada pertolongan Tuhan, Allah melimpahkan pertolongan-Nya, dengan perantara sesama makhluk, berupa apapun yang berfaedah, meskipun demikian (orang yang sudah sentosa itu) masih rajin berikhtiar.
 10. Sekedar (usaha) dilakukan, hanya menurut suka hatinya, asalkan tidak menjadi masalah, kerana wasiat orang tua-tua mengatakan, ikhtiar itu sesungguhnya untuk memilih (jalan) keselamatan, dilakukan sambil bekerja, dengan awas dan sedar, yang dikehendaki (ialah) mendapat kasih sayang Tuhan.
 11. Ya Allah ya Rasulullah, yang bersifat murah dan asih, semoga berkenan melimpahkan, pertolongan yang mencukupkan di dunia hingga akhirat, mengenai hidup hamba (sang pujangga), sekarang sudah tua; akhirnya bagaimanakah, maka semoga ada pertolongan Tuhan.

12. Hendaknyalah dapat sabar dan sentosa, mati selagi hidup, hindari daripada berbuat onar, angkara murka menyingkir, tidak lain (dengan) menyatukan tekad, (dengan) selalu menyucikan hati, (sehingga) urunglah siksaan Tuhan, mendapat keringanan sekedarnya, (sang pujangga) berserah diri (memohon) syurga yang berisi serba abadi.

ZAMAN EDAN

Rangkap ke-7 dalam *Serat Kalatidha* adalah yang amat terkenal sehinggakan menjadi inti ajaran. Rangkap ini disebut rangkap *zaman edan*, kerana memuatkan gambaran zaman gila atau zaman kegila-gilaan. Karya sastera pujangga Ranggawarsita yang satu ini ternyata amat popular. Suku-suku lain, selain Jawa telah mengenalnya, bahkan sampai kepada pemudanya. Seorang gadis Sunda, mojang Priangan, mahasiswi Universitas Pajajaran di Bandung menembangkan rangkap *Zaman Edan* dalam *Sinom Cianjuran* di muka Pekan Wayang Indonesia pada tahun 1975 di Jakarta. Ramai orang terhegeh-hegeh dibuatnya.

Karya sastera yang sudah berusia lebih 120 tahun ini pernah diolah mahasiswa Fakultas Sastera Universitas Indonesia bersama Suara Mahardika yang dipimpin Guruh Sukarnoputra, sehingga menjadi Pementasan KOLOTIDO (*Zaman Edan* Ranggawarsita). Isinya mengacu kepada *Serat Kalatidha* yang disusun menjadi sosio-drama, beberapa babak. Kandungan naskah itu berupa kritikan sosial yang sedang hangat semasa pementasannya. Drama tersebut telah dipentaskan pada hari Sabtu Kliwon, 5 Januari 1980, di RRI Stuido V, Jalan Merdeka Barat 4-6, Jakarta. Pementasan itu telah diadakan dalam rangka Sarasehan memperingati wafatnya Pujangga Ranggawarsita.

Gema *Zaman Edan* merambah pula di kalangan pencipta lagu pop Indonesia dengan kasetnya beredar di sekitar tahun 1978. Lagu dan liriknya telah digubah oleh Chilung Ramali, sedangkan susunan musiknya digubah Is Haryanto. Lirik lagu tersebut berbunyi seperti yang berikut:

*Zaman edan, sing edan dudu zamane,
Zaman edan, sing edan mesthi uwonge,
Bapak kondur kantoran tindak jagongan,
Ibu repot arisan anak kluyuran,
Sapa sing salah?
Sapa sing salah?
Anake utawa uwong tuwane?
Zaman edan, aja melu-melu edan,*

*Ngati-ati aja ketularan edan,
Nyambut gawe yen ora nganggo pethukan,
Rumah tangga morat-marit ra karuwan, Zamane edan, zamane edan,
Mulane aja mnelu-melu edan.*

Pada tahun 1964, penulis telah menyelesaikan pengajian naskhah *Kalatidha* dengan menerbitkannya dengan tajuk *Zaman Edan: Suatu Studi tentang Buku Kalatidha dari R.Ng. Ranggawarsita*. Sebahagian besar isi buku itulah telah diperkatakan sekaligus dibetulkan kesalahan-kesalahannya, serta menambah hal-hal yang kurang.

Penulisan buku itu berjalan seperti biasa; namun ia adalah suatu pengalaman yang unik. Ki Hadiwidjana, salah seseorang ahli sastera Jawa yang telah saya pohon pendapatnya tentang hasrat saya itu menulis buku *Zaman Edan*. Tanggapan beliau telah ditulis dalam suratnya dalam bahasa Jawa, bertarikh 23 November 1963 yang antara lain berbunyi:

Nama (tajuk) Zaman Edan kula aturi nyantuni. Saestu nyamari. Kasantunana, upami: "Kalatidha, salah satu yang terpenting di antara karya pujangga Ranggawarsita".

"Tajuk *Zaman Edan* saya harap diganti. Sungguh berbahaya. Gantilah, umpamanya: "*Kalatidha*, salah satu yang terpenting antara karya pujangga Ranggawarsita".

Penulis tidak pernah menanyakan beliau apa sebabnya buku *Zaman Edan* dianggapnya berbahaya, sebab saya tetap memakai tajuk itu. Pengalaman yang lebih lanjut ialah sewaktu penulis menerbitkan *Serat Centhini* pada tahun 1975, beberapa orang kawan di Sala dan di Yogyakarta mengatakan kepada penulis; *Anggarap Serat Centhini, punika kathah ingkang boten lana* (Mengkaji *Serat Centhini* itu banyak yang tidak selamat). Demikian pulalah kata Ki Sumidi Adisasmita, mantan anggota Panitia *Centhini* di bawah pimpinan Notonagoro di Universitas Gadjah Mada. Beliau mengatakan kawan-kawannya sepanitia banyak yang telah mendahuluinya. Daripada beberapa orang anggota panitia itu, termasuk pemimpinya, dan kini tinggal dirinya seorang.

Hal serupa itu terjadi di Tepas Kapujanggan Keraton Ngayogyakarta, masa memulakan kerja mengalih-aksara *Babad Giyanti*. Dua orang yang mengerjakannya meninggal dunia tidak beberapa lama kemudian. Sejak itu, sehinggalah sekarang tidak disuruh lagi orang lain untuk meneruskan kerja itu. Hal ini dinyatakan Sri Sultan Hamangku Buwana IX, dan dengan izin Sri Sultan Hamangku Buwana IX, penulis bersedia untuk melaksanakan kerja itu. Tetapi, hasrat itu tidak terlaksana kerana halangan

teknikal yang sukar diatasi: bukunya tidak boleh dibawa keluar daripada Kapujanggan.

Pengalaman tersebut menimbulkan dugaan bahawa di kalangan orang Jawa rupa-rupanya ada semacam pantang larang. Bila ada orang hendak mengkaji karya kitab yang dianggap keramat tanpa penangkal, tanpa syarat sarana pencegahannya itu sangat merbahaya. Hal ini perlu diserahkan kepada orang yang lebih mengerti. Namun, kenyataan menunjukkan bahawa Ki Sumidi Adisasmitha hingga sekarang masih terselamat dan mencecah usia lanjut, iaitu 88 tahun, sedangkan penulis masih meneruskan usaha untuk menerbitkan *Serat Centhini* dengan Bismillah atau niat baik hendak mewariskan *Ensiklopedi Kebudayaan Jawa* itu dalam huruf Latin agar dapat dibaca angkatan muda.

Seringkali penulis atau pemimpin mengutip sastera Jawa untuk memantapkan tulisan atau syarahannya. Antara karya sastera Jawa yang banyak dikutip ialah rangkap ke-7, rangkap *Zaman Edan* daripada *Kalatidha* seperti yang dilakukan Adam Malik pada 23 Disember 1982 di Jakarta sewaktu menyerahkan pengharganya kepada 10 orang wartawan BPS (Badan Pendukung Sukarnoisme). Daripada banyak kutipan dalam tulisan dan pidato seringkali dijumpai kesalahan atau pemenggalan. Oleh sebab itu, telah berulang kali penulis mengirimkan pembedulan ke atas kesalahan itu ke berbagai-bagai akhbar.

Kesalahan kutip dan pemenggalan itu amat mengganggu, bahkan dapat mengubah erti kata yang dimaksudkan dalam karya aslinya. Oleh kerana itu, hendaklah para penulis dan pemimpin yang mengutip sastera Jawa itu berusaha mengutipnya dengan lengkap dan betul, khususnya mengenai rangkap ke-7 *Kalatidha*, janganlah dipenggal seperti berikut:

Amenangi zaman edan, ewuh aya ing pambudi, melu edan nora tahan, yen tan melu anglakoni, boya kaduman melik, kaliren wekasanipun...

Kutipan yang dipenggal seperti di atas nescaya akan menimbulkan kekacauan pengertian. Rangkap ke-7 yang diberi itu lalu bererti:

‘Mengalami zaman gila, serba sukar dalam pemikiran, ikut menggila tak tahan, kalau tidak ikut (menggila), tidak (akan) mendapat bahagian, akhirnya (mungkin) kelaparan...’

Kutipan tersebut bererti membenarkan orang yang berebutan itu harus menderita kelaparan. Dapat membenarkan orang yang bersikap *mumpung-mumpung* atau *ngaji pupung* yang pasti mengganggu

ketertiban masyarakat dan pemerintah serta menimbulkan berbagai kejahatan.

Pada hakikatnya yang disebut *Zaman Edan* adalah bahagian daripada zaman *Kalabendu*. Dalam buku-bukunya yang lain sang pujangga menyebut pula: *zaman owah* dan *zaman pakewuh*, iaitu dalam buku *Sabda Pranawa* tembang *Dhandhanggula*, rangkap 8:

Wartanira pra ambek linuwih, wawasaning nala wus tetela, miturut ing kaanane, ran zaman owah tuhu, keh ngowahi sagung pakerti, pakewuh saga ndadra, sadaya tumuwuh, mung ewuh aya tyasira, ngeres macek sasambate tanpa uwis, uwas kaworan maras.

‘Menurut orang-orang yang bersifat luhur, pandangan batinnya sudah terang, iaitu menurut keadaannya, disebut zaman berubah, ramai yang merubah segala tingkah, kesukaran menjadi-jadi, meliputi semua makhluk, yang hanya bingung hatinya, sedih pilu mengeluh tiada habisnya, khawatir bercampur cemas.’

Dalam buku *Sabdajati* tembang *Megatruh* rangkap 12 berbunyi:

Para janma sajroning zaman pakewuh, kasudranira an dadi, dahurune saya ndarung, keh tyas mirong murang margi, kasetyan wus ora katon.

‘Orang-orang di zaman berbahaya, kerendahan budinya menjadi-jadi, tindak rusuhnya berlarut-larut, banyak orang bertekad sesat salah jalan, kesetiaan sudah tidak ada.’

Sang pujangga itu memperkuat tanda-tanda atau ciri zaman *Kalabendu* dan *Zaman Edan*-nya dalam buku *Sabdatama*, tembang *Gambuh*, rangkap ke-9 s/d 13 seperti yang berikut.

9. *Sidining Kalabendu, saya ndadra harda-ning tyas limut, ora kena sinirep limpading budi, lamun durung mangsanipun, malah sumuke angradon.*
10. *Tatune tumaruntun, panuntuning tyas angkara antuk, kaladesa wenganing karsa kaeksi, limut kalimput angawut, maiwut sanggyaning dumados.*
11. *Ing antara sapangu, pangungaking kaanan wus mirut, morat-marit panguripaning sasami, sirna katentremnipun, wong udrasa sa-nggon-enggon.*
12. *Kemat isarat lebur, bubur tanpa daya kabarupuh, paribasan tidhem tandhaning dumadi, begjane ula dahulu, cangkem silite anyaplok.*

13. *Dhungkari gunung gunung, kang geneng-geneng padha jumugrug, parandene tan ana kang nanggulangi, wedi kalamun sinembur, upase lir wedang umob.*

Terjemahannya:

9. Puncak (keadaan) zaman Kalabendu, makin meningkatkan angkara hati yang dalam kegelapan, (itu) tidak dapat diredakan oleh kecekatan akal fikiran, bilamana belum masanya, bahkan panasnya menjadi-jadi.
10. Peraturan (negara) bertubi-tubi, tuntunan angkara murka (justeru) mendapat, kesempatan yang baik (sehingga) jelas mengetahui kehendak orang, (yang) hatinya gelap, lalu bertindak ngawur, (akhirnya) kacau balaulah semua makhluk.
11. Hanya lebih kurang sebentar sahaja, (sang pujangga) menenguk keadaan yang terbawa arus, kucar-kacir penghidupan sesama umat, orang menangis merata-rata.
12. Tenung (dan) syarat-sarana lebur, hancur tanpa daya (menjadi) lebur, dapat dikatakan hilang tanda-tanda kehidupan, untungnya ular berkepala dua, mulut dan duburnya sama-sama dapat menggigit.
13. (Ular berkepala dua itu) membongkar gunung-gunung, yang tinggi-tinggi diruntuhkan, meskipun, demikian, tidak ada yang menghalangi, (sebab) takut disembur (ular itu), bisanya (ampuh) seperti air mendidih.

Dalam menghadapi zaman *Kalabendu*, *Zaman Edan*, zaman *owah* atau zaman *pakewuh* sang pujangga mesti terlebih dahulu memberikan tuntunan hidup seperti yang termuat dalam *Sabdatama*, *tembang Gambuh*, rangkap 2 dan 3 seperti yang berikut:

2. *Den samya amituhu, ing sajroning zaman Kalabendu, yogya semi nyunyuda hardaning kapti, kang nununtun mring pakewuh, uwohing panggawe awon.*
3. *Ngajapa tyas rahayu, ngayomana sasameng, tumuwuh, wahanane ngendhak angkara kalindhah, ngendhangan pakerti dudu, dinuwa luwar tibeng doh.*

Terjemahannya:

2. Hendaklah semuanya mematuhi, dalam zaman Kalabendu, baiklah mengurangi angkara hati, yang membawa kepada bahaya, (itulah) buah perbuatan buruk.

3. Capailah tekad selamat, lindungilah sesama hidup, sehingga (dapat) mengurangkan dan menindas sifat angkara, membuat perbuatan salah, ditendang keluar (hingga) jatuh jauh.

Dengan nasihat atau tuntunannya itu tuntaslah huraian sang pujangga Ranggawarsita tentang zaman edan yang disertai dengan nasihat penangkalnya.

RUJUKAN Hujung

- Brotokesowo. 1950. *Kalatidha Ranggawarsita*. Surabaya: Pustaka Nasional.
- Brotokesowo. 1957. *Djangka Ranggawarsita*. Yogyakarta: Keluarga Brontokesowo.
- Kamajaya. 1964. *Zaman Edan: suatu Studi tentang Buku Kalatidha dari R.Ng. Ranggawarsita*. Yogya: UP Indonesia.
- Padmasusastera, Ki. 1931. *Serat Kalatidha Huruf Jawa*. Kediri: Tan Khoen Swie.
- Padmawidagda RB & R.Ng. Honggopradata. 1931-1933. *Babad Cariyos Lalampahipun R.Ng. Ranggawarsita, Huruf Jawa*. Sala: Komite Ranggawarsita.
- Purbatjaroko, R.M.Ng. & Tardjan Hadidjaja. 1952. *Kepustakaan Djawa*. Jakarta: Djambatan.
- Sastrosudargo, R.Ng. 1946A. *Jangka Ronggowarsito*. Sala: Sadubudi.
- _____, R. 1946. *Wedatama Winardi*. Kediri: Tan Khoen Swie.
- Tanoyo, R. 1946. *Ronggowarsito, Wirid Hidayat Djati*. Sala: Sadubudi.
- (Sumber asal: Karkono Partokusumo, H. 1956. *Zaman Edan Pembahasan Serat Kalatidha Ranggawarsitan*. Yogyakarta: Proyek Javanologi)

Penterjemah: Endang Nurhayati, Ph D
 Prodi Pendidikan Bahasa Jawa
 Fakultas Bahasa dan Seni
 Universitas Negeri Yogyakarta
 Yogyakarta 55281
 Indonesia

Emel: endang_fbs@yahoo.com